



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR

# SIARAN MEDIA

## KERAJAAN PERSEKUTUAN BELANJA RM22.8 JUTA SEDIA PERLINDUNGAN SEGERA ATASI IMPAK BANJIR

**KEDAH, 30 JULAI 2024** – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah membelanjakan sebanyak RM 22.8 juta dalam pembinaan Projek Cadangan Pembinaan Empangan Sabo Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Daerah Yan Dan Kuala Muda, Kedah Fasa 1. Inisiatif Kerajaan Persekutuan ini adalah untuk menyediakan perlindungan segera untuk mengatasi kesan bencana banjir lumpur dan fenomena kepala air di Titi Hayun, Daerah Kuala Muda dan di Tupah, Daerah Yan.

Sesi penyerahan projek telah dihadiri oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri PETRA dan YB Tuan Haji Mohamad Yusoff @ Munir bin Zakaria, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah mewakili Menteri Besar Negeri Kedah yang bertujuan untuk menyerahkan projek yang telah siap dilaksanakan kepada pihak Kerajaan Negeri Kedah sebagai pengguna.

Pelaksanaan perlindungan segera di dalam Fasa 1 ini merangkumi pembinaan struktur sabo serta kerja-kerja berkaitan dan pembinaan dua (2) buah struktur jambatan baharu yang melibatkan peruntukan sejumlah RM 48.71 juta. Daripada keseluruhan skop fasa 1, kontrak pembinaan dua (2) buah struktur sabo serta kerja-kerja berkaitan telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan telah siap sepenuhnya. Sementara pembinaan dua (2) buah struktur jambatan baharu dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan masih berada di dalam pembinaan.

Projek Cadangan Pembinaan Empangan Sabo Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Daerah Yan Dan Kuala Muda, Kedah Fasa 1 ini telah dilaksanakan secara reka dan bina

dengan mengambil masa selama 18 bulan daripada proses rekabentuk sehingga penyiapan projek.

Sesi penyerahan ini juga turut dihadiri bersama oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pembangunan), YBhg. Dato' Haji Mohd.Fauzi bin Mustaffa; YBrs. Encik Amisam bin Ismail, Setiausaha Bahagian Pembangunan PETRA; YBrs. Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS dan Ir. Ahmad Solihin bin Budarto, Pengarah JPS Negeri Kedah selaku Pengarah Projek dan pemilik projek.

Melalui penyiapan projek ini, ia dapat menghalang banjir puing dan arus yang deras ketika berlakunya kepala air dan banjir lumpur seterusnya mengelak daripada berlakunya kemusnahan di kawasan hilir sungai serta menyelamatkan nyawa penduduk setempat.

Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan cakna dalam memastikan kemampunan dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan untuk memastikan impak yang maksima kepada rakyat Negeri Kedah. Pemantauan yang komprehensif dan berterusan merupakan kunci utama kepada pembangunan negara yang seimbang sepertimana yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri menerusi Gagasan berteraskan konsep Malaysia Madani.

## **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**30 JULAI 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA  
MADANI**

**PETRA**



PETRAMALAYSIA